

25/05/1998

Air: Terserah kepada jawatankuasa khas negeri

KOTA BHARU, Ahad - Kerajaan Kelantan menyerahkan sepenuhnya isu krisis bekalan air di negeri ini kepada jawatankuasa peringkat negeri yang dibentuk khas dan pihak perunding yang dilantik, untuk bersama-sama menyelesaikannya.

Serentak itu, Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, turut meminta Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan RM80 juta yang diluluskan menerusi rundingan kedua-dua pihak sebelum ini, bagi mengendalikan soal bekalan air itu.

Beliau berkata, pihaknya mengambil langkah menswastakan bekalan air di negeri ini sejak Februari 1995, berikutan tidak menerima peruntukan seperti dijanjikan.

"Kita harap Kerajaan Persekutuan akan menyelesaikan masalah peruntukan itu kerana sehingga sekarang ia hanya diluluskan di atas kertas sedangkan persetujuan sudah diberi.

"Kita ingin menyelesaikan segera masalah air di Kelantan kerana ia membabitkan kepentingan rakyat dan tidak perlu dipolitikkan mana-mana pihak," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di Kota Darul Naim di sini, hari ini.

Jawatankuasa menangani masalah bekalan air di Kelantan yang ditubuhkan beberapa minggu lalu, diterajui Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemudahan Awam, Alam Sekitar dan Kesihatan, Hassan Abdullah.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, penubuhan Majlis Air Negara (MAN) membuktikan kepekaan kerajaan terhadap masalah air yang dialami di seluruh negara.

Mengulas kenyataan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berhubung pertemuan Nik Aziz dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur baru-baru ini, beliau menjelaskan, ia adalah pertemuan biasa di antara pemimpin negeri dan ketua negara.

"Memang benar kami ada bertemu kerana sebagai Menteri Besar, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk menemui Dr Mahathir dan mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa kerana kita mengamalkan sikap terbuka," katanya.

(END)